

Pelajaran 18 Aidilfitri dan Aidiladha

Fiqh

BAHAGIAN A

Pilih jawapan yang betul.

- 1 Bilakah umat Islam menyambut Hari Raya Aidiladha?
 - A 1 Syawal
 - B 1 Zulhijjah
 - C 10 Syawal
 - D 10 Zulhijjah
- 2 Berikut ialah amalan sunat Hari Raya Aidilfitri **kecuali**
 - A memakai pakaian terbaik, bersih dan cantik.
 - B menghidupkan malam raya dengan bertakbir.
 - C makan selepas menunaikan solat sunat hari raya.
 - D pergi dan balik dari tempat solat melalui jalan yang berlainan.
- 3 Apakah hukum bertakbir sebanyak tujuh dan lima kali dalam solat hari raya?
 - A Sunat
 - B Harus
 - C Wajib
 - D Makruh
- 4 Bilakah khutbah hari raya disampaikan?
 - A Tidak ada khutbah
 - B Semasa solat hari raya
 - C Selepas solat hari raya
 - D Sebelum solat hari raya
- 5 Pilih syarat sah khutbah yang betul.
 - I Selawat ke atas Nabi
 - II Berturut-turut antara dua khutbah
 - III Khatib berdiri jika mampu
 - IV Membaca satu surah pilihan
 - A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan III
 - D I dan IV

BAHAGIAN D

Jawab semua soalan.

- 1 (a) Lengkapkan jadual kaifiat solat sunat hari raya berikut.

(i) _____	Rakaat kedua
Niat	
Takbiratul ihram	
Membaca doa iftitah	
Bertakbir sebanyak (ii) _____, setiap takbir dipisahkan dengan bacaan tasbih	Bertakbir sebanyak (iii) _____, setiap takbir dipisahkan dengan bacaan (iv) _____
Membaca surah (v) _____	
Membaca surah al-A'la atau (vi) _____	Membaca surah al-Ghasyiah atau surah-surah lain
Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam	

(6 markah)

(d) Padankan rukun dan syarat sah khutbah yang berikut.

(i)

Rukun khutbah

(ii)

Syarat sah khutbah

Memuji Allah SWT

Khatib suci daripada hadas kecil dan hadas besar

Berpesanan supaya bertakwa

Rukun khutbah dalam bahasa Arab

(4 markah)

(e) Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

tasbih	sunat	wajib	surah	Sah
--------	-------	-------	-------	-----

- (i) Hukum bertakbir dengan bilangan tertentu dalam setiap rakaat ialah _____.
- (ii) Sekiranya tertinggal, solat yang ditunaikan tetap _____.
- (iii) Antara setiap takbir tersebut pula perlulah diselangi dengan _____.
- (iv) Selepas al-Fatihah, diharuskan membaca mana-mana _____ pilihan.

(4 markah)